



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN IDRIS SHAH

SESI II 2024 / 2025

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR

POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH



Layari
psis.mypolycc.edu.my

PERINGATAN PENTING

Baca maklumat am berikut dengan teliti dan sila ambil tindakan yang sewajarnya agar proses pendaftaran / lapor diri anda dapat berjalan dengan lancar dan memulakan pengajian anda di politeknik dengan selesa.

Bagi pelajar yang mendapat tawaran kamsis, sila rujuk memo / hebahan panggilan masuk pelajar senior yang dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Kediaman Pelajar (UPKPel) PSIS berkaitan tarikh kemasukan dan bayaran.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT	PERKARA
4 - 5	MAKLUMAT UMUM LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR
6	MAKLUMAT LAPOR DIRI PELAJAR TUKAR KURSUS, PELAJAR TANGGUH DAN PELAJAR PINDAH MASUK
7	TAKWIM PENGURUSAN LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI II:2024/2025
8	GUGUR TARAF SEBAGAI PELAJAR
9	PROSES PENDAFTARAN
10 - 12	PEMBAYARAN & JADUAL PEMBAYARAN
13 - 18	PANDUAN PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN ASRAMA MELALUI JOMPAY
19 - 22	PANDUAN PENDAFTARAN PENGAJIAN SECARA ONLINE (SPMP)
23 - 25	ETIKA RUPADIRI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
26 - 27	KOLEJ KEDIAMAN

MAKLUMAT UMUM LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR

- Arahan lapor diri ini terpakai kepada semua pelajar Senior termasuk pelajar yang menanggung pengajian Sesi II : 2024/2025, bertukar masuk dari Politeknik lain dan pelajar yang menjalani latihan industri.
- Pelajar mesti membuat bayaran yuran pengajian sebelum melapor diri secara dalam talian. Pelajar yang menjalani Latihan Industri (LI) bagi Sesi II : 2024/2025 **TIDAK PERLU MEMBUAT SEBARANG PEMBAYARAN YURAN ATAU PENDAFTARAN DALAM TALIAN.**
- Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah mengikut jadual waktu yang dikeluarkan oleh Jabatan Akademik masing-masing.
- Sila semak Keputusan Peperiksaan Akhir Semester Sesi II : 2024/2025 terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran yuran.
- Sila patuhi Tatacara Pembayaran Yuran yang telah ditetapkan. Selepas **48 jam** (*hari bekerja*) pembayaran yuran dibuat, pelajar dikehendaki mendaftar pengajian di Modul iHelp dan mendaftar kursus di Modul iDaftar melalui SPMP. Sebarang kecuaiian atau kesilapan adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.
- Pelajar perlu mencetak Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (*Online*) untuk simpanan pelajar dan satu salinan diserahkan kepada Penasihat Akademik. Resit Pembayaran Yuran juga perlu dicetak dan disimpan oleh pelajar sebagai bukti pembayaran.
- Pelajar senior yang ditawarkan kolej kediaman perlu:
 - Membayar **Yuran Pengajian (RM200)** dan **Yuran Asrama (RM60)** selewatnya **09 JANUARI 2025.**
 - Berstatus Aktif selewatnya **09 JANUARI 2025.**

MAKLUMAT UMUM LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR

- Pelajar yang menerima tajaan dari mana penaja (PTPTN, Zakat, Dermasiswa) sila maklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar mengenai pengesahan terkini tajaan anda.
- Semua pelajar WAJIB mengemaskini Maklumat Peribadi di iHELP (Rujuk Tatacacara Pendaftaran Pengajian Online SPMP).
- Sila hubungi talian di bawah pada waktu pejabat jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan.

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN	UNIT PEPERIKSAAN 03-32806235 / 6241 / 6236 / 6237
ISU YURAN & i-HELP	JABATAN HAL EHWAL PELAJAR 03-3280 6255 / 6257 / 6256
PENDAFTARAN KURSUS i-DAFTAR	Rujuk Penasihat Akademik masing-masing.
KEDIAMAN PELAJAR	UNIT PENGURUSAN KEDIAMAN PELAJAR 03-3280 6403 / 6282 / 6285

MAKLUMAT LAPOR DIRI PELAJAR TUKAR KURSUS, PELAJAR TANGGUH & PELAJAR PINDAH MASUK

- Pelajar Bertukar Kursus, Pelajar Tangguh dan Pelajar Berpindah Masuk dikehendaki untuk hadir terus ke kaunter Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) pada **13 JANUARI 2025 (Isnin)**.
- Berikut adalah dokumen-dokumen yang perlu dibawa bersama semasa lapor diri:-

PELAJAR TUKAR KURSUS	1. SURAT KELULUSAN TUKAR KURSUS / PROGRAM 2. SALINAN RESIT BAYARAN YURAN
PELAJAR TANGGUH	1. SURAT KELULUSAN TANGGUH 2. SALINAN RESIT BAYARAN YURAN
PELAJAR PINDAH MASUK	1. SURAT KELULUSAN PINDAH (POLITEKNIK) 2. SURAT KELULUSAN PINDAH (JPPKK) 3. KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SESI I 2024/2025 4. SALINAN RESIT BAYARAN YURAN

- Senarai bayaran yang perlu dijelaskan oleh Pelajar Bertukar Kursus, Pelajar Tangguh dan Pelajar Berpindah Masuk adalah seperti di bawah:-
 - Yuran Pengajian - **RM 200.00** per semester
 - Yuran Asrama - **RM 60.00** per semester
 - Yuran MSP - **RM 15.00** per semester
 - Bayaran Insurans - **RM 35.00** setahun
 - Kad Matrik - **RM 15.00**

TAKWIM PENGURUSAN LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI II : 2024/2025

TARIKH	PERKARA	RUJUKAN
02 JANUARI 2025	• Semakan Keputusan Peperiksaan Akhir Semester Sesi II : 2023/2024	http://spmp.psis.edu.my/
03 - 10 JANUARI 2025	• Pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama	Rujuk Maklumat Bayaran Pelajar Senior dan Tatacara Pembayaran Yuran
12 JANUARI 2025	• Pendaftaran Kolej Kediaman (KAMSIS)	Rujuk Memo Panggilan Pendaftaran Kamsis Pelajar
06 - 13 JANUARI 2025 13 - 31 JANUARI 2025	• Pendaftaran pengajian secara dalam talian. (SPMP – Menu iHELP) • Pendaftaran kursus secara dalam talian. (SPMP – Menu iDAFTAR)	http://spmp.psis.edu.my/
13 JANUARI 2025	• Kuliah Sesi II : 2024/2025 bermula.	Rujuk Jadual Waktu Program daripada Jabatan Akademik masing-masing

GUGUR TARAF SEBAGAI PELAJAR

Pelajar perlu mendaftar untuk berstatus aktif sebagai seorang pelajar. Tanpa berbuat demikian, segala urusan berkaitan diri anda di Politeknik adalah tidak sah. Ianya juga boleh menyebabkan pelajar tidak layak menerima sebarang hak keistimewaan pelajar yang disediakan di institusi sekaligus mengugurkan taraf anda sebagai Pelajar Politeknik.

- Pelajar akan digugurkan taraf sebagai pelajar Politeknik sekiranya GAGAL melapor diri / memohon penangguhan pengajian / memohon berhenti pengajian dalam tempoh 8 minggu selepas tarikh pendaftaran pelajar.
- Pelajar yang telah digugurkan taraf sebagai pelajar TIDAK BOLEH membuat rayuan menyambung pengajian pada sesi semasa.
- Pelajar BOLEH membuat permohonan baharu sebagai pelajar baharu pada sesi seterusnya.

PROSES PENDAFTARAN

MULA

TARIKH

Membuat semakan keputusan peperiksaan Sesi I 2024/2025 di smp.psis.edu.my (i-Exam) bermula :

02 JANUARI 2025 (Khamis) – Pelajar Diploma

p/s: Pastikan pelajar tidak mempunyai sebarang saman tertunggak atau bayaran yuran/takaful yang belum dibayar.

02 JANUARI 2025

Membuat bayaran yuran pengajian mulai :

(03-09 JANUARI 2025) – Pelajar Diploma

Hanya pelajar yang berstatus pengajian samada

KEDUDUKAN BAIK

(KB), KEDUDUKAN BERSYARAT (KS) sahaja yang dibenarkan untuk membuat pembayaran yuran pengajian.
(Rujuk Jadual dan Kaedah Bayaran di M/S 8-10)

03 - 09 JANUARI 2025

Lapor diri secara online, selepas **48 jam** (hari bekerja) bayaran dilakukan di laman <http://smp.psis.edu.my> (i-Help)

**Pelajar yang mempunyai tajaan yuran, perlulah membayar yuran dahulu.*

06 - 13 JANUARI 2025

Sebarang masalah berkaitan pembayaran yuran, boleh berhubung dengan JHEP.

Mendaftar matapelajaran di <http://smp.psis.edu.my> (i-Daftar) selepas pelajar membuat lapor diri di i-Help.

Proses pengajaran dan pembelajaran serta kehadiran kuliah akan bermula pada

13 JANUARI 2025 (ISNIN) – Pelajar Diploma

13 - 31 JANUARI 2025

SELESAI

PEMBAYARAN

Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan pembayaran yuran pengajian seperti Jadual 1 Pembayaran Pelajar Senior SESI II 2024/2025. Pihak Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.

- Bayaran Yuran Pengajian **PERLU DIJELASKAN** sebelum **09 JANUARI 2025** melalui kaedah JomPAY.
- Semua pembayaran yang dibuat **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda menarik diri atau berhenti dari PSIS.
- Pelajar yang memohon atau menerima penajaan dari mana-mana agensi kerajaan / swasta (Zakat, KWSP, dll) dikehendaki **MENJELASKAN YURAN** terlebih dahulu.
- Sebarang urusan tuntutan semula hendaklah dituntut terus kepada agensi penaja selepas selesai proses pembayaran. Pelajar perlu mengemukakan salinan asal resit untuk disahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
- Bayaran yuran pengajian melalui cek peribadi atau *Money Order, Postal Order* dan tunai adalah **tidak diterima**.

JADUAL PEMBAYARAN

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN	TEMPOH
1	Yuran Pengajian	RM200.00	Bayar melalui Perbankan JomPAY dari mana-mana bank tempatan secara atas talian. Penting:  Biller Code : 802587 Biller Code Name : PSIS Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-') Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa '-') Jumlah : Yuran Pengajian RM200.00 Bayaran perlu dibuat secara berasingan. RM200.00 SATU (1) resit	03 - 09 JANUARI 2025
2	Yuran Asrama	RM60.00	Bayar melalui Perbankan JomPAY dari mana-mana bank tempatan secara atas talian. Penting: Biller Code : 802587 Biller Code Name : PSIS Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-') Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa '-') Jumlah : Yuran Asrama RM60.00 Bayaran perlu dibuat secara berasingan. RM60.00 SATU (1) resit	03 - 09 JANUARI 2025

***Sila buat 1 salinan slip transaksi dan bawa ke PSIS semasa lapor diri.**

JADUAL PEMBAYARAN

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN	TEMPOH
3	Yuran MSP	RM15.00	 PINDAHAN WANG / ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT) / ONLINE BANKING Nama Bank : Bank Islam Malaysia Nama Akaun : Tetuan Majlis Sukan Politeknik No Akaun : 04033010039621 Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-') Ref-2 : YURAN MSP Sila nyatakan No Kad Pengenalan sebagai rujukan semasa membuat bayaran. Sila buat 3 salinan slip transaksi dan bawa ke PSIS semasa lapor diri Isi borang di Lampiran 8 - Borang Keahlian Pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia	03 - 09 JANUARI 2025

Nota:

- Yuran boleh dibayar mulai **03 - 09 JANUARI 2025** (Diploma) menggunakan kaedah pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas.
- Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian.
- Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.
- Pelajar boleh membuat pendaftaran secara online selepas 1 - 3 hari bekerja membuat bayaran.
- Tuntutan semula bayaran MSP boleh dikemukakan kepada JABATAN SUKAN, KEBUDAYAAN & KOKURIKULUM selewat-lewatnya pada MINGGU ke-3 kuliah.

MSP_DAF- 002



**BORANG KEAHLIAN PELAJAR
(SEMESTER 2,3,4,5 & 6)
MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA**

NAMA PELAJAR	
NO. KAD PENGENALAN	
NO. PENDAFTARAN	
PROGRAM	
SEMESTER	
SESI	
POLITEKNIK	POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
NO H/P	

Saya_____No kad pengenalan_____dengan
sesungguhnya bersetuju untuk menjadi ahli Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan sedaya upaya akan
mematuhi segala peraturan serta undang-undang Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan memberi
sokongan terhadap program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Politeknik Malaysia seperti ketetapan
berikut:

YURAN KEAHLIAN

SEMESTER	RM 15.00
JUMLAH	RM 15.00
	• Bayaran boleh dibuat melalui Pindahan Wang sahaja (<i>Electronic Fund Transfer</i>) ke akaun Majlis Sukan Politeknik Malaysia. Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad No Akaun : 04033010039621 Jenis Akaun : Akaun Semasa • Sila nyatakan No Kad Pengenalan pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran. • Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran.

Tandatangan

(NAMA : _____)

Tarikh :

PANDUAN PEMBAYARAN YURAN PENGGAJIAN DAN YURAN ASRAMA MELALUI JOMPAY

- Semua pelajar Politeknik KPT (pelajar baharu dan senior) **DIWAJIBKAN** membuat pembayaran yuran pengajian melalui **JomPAY** melalui mana-mana perbankkan internet yang memiliki fasiliti bayaran JomPAY.
- Berikut adalah kaedah bayaran melalui JomPAY:
 - i. Log Masuk ke *Mobile Banking*
 - ii. Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills*
 - iii. Buat Pilihan Akaun Pengguna dan isi maklumat
 - iv. Menyemak semula maklumat adalah BETUL.
 - v. Sahkan (*confirm*) pembayaran
 - vi. Cetak slip pembayaran untuk rujukan.
- Sila buat **salinan / fotokopi** resit pembayaran untuk simpanan sendiri.

BERIKUT ADALAH BANK YANG MENAWARKAN FUNGSI BAYARAN MELALUI JOMPAY:

 **AFFIN BANK**

 **AFFIN ISLAMIC**

 **AGRO BANK**

 **AmBank**

 **AmBank Islamic**

BANK ISLAM

 **BANK RAKYAT**

 **BNP PARIBAS**

 **BSN**

citibank

Deutsche Bank 

 **HongLeong Bank**

ICBC 

JPMorgan 

Kuwait Finance House 

MIZUHO

 **MUFG**

 **OCBC Bank**

RHB  **Bank**

RHB  **Islamic Bank**

 **SMBC** SUMITOMO MITSUI BANKING CORPORATION MALAYSIA BERHAD

 **ALLIANCE BANK**

 **ALLIANCE ISLAMIC BANK**

 **Al Rajhi Bank**

Bank of America 
Merrill Lynch

 **中國銀行**
BANK OF CHINA

 **Bank Muamalat**

 **中国建设银行**
China Construction Bank

 **CIMB BANK**

 **CIMB ISLAMIC**

 **HongLeong Islamic Bank**

HSBC 

HSBC 
Amanah

 **Maybank**

 **Maybank Islamic**

 **MBSB BANK**

 **OCBC AL-Amin**

 **PUBLIC BANK**

 **PUBLIC ISLAMIC BANK**

Standard Chartered 


Standard Chartered 
Saadiq

 **UOB** 大華銀行

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN (MELALUI JOMPAY)


LANGKAH 1

- Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau mobile banking.



LANGKAH 2

- Pilih JomPAY pada menu Pay Bills.




KAEDAH PEMBAYARAN YURAN (MELALUI JOMPAY)

LANGKAH 3

- Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut:

JOMPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun simpanan sahaja.

- i. Biller Code : **802587**
 - ii. Reference 1 : **Nombor Kad Pengenalan PELAJAR**
tanpa simbol "-" (Contoh: 030303120355)
 - iii. Reference 2 : **Nombor Telefon PELAJAR** (Contoh: 0121234567)
 - iv. Jumlah Yuran : **RM200.00 (Yuran Pengajian)**
RM60.00 (Yuran Asrama)
- Sila pastikan pelajar membuat pembayaran **Yuran Pengajian dan Yuran Asrama secara BERSINGAN.**



PENTING!

- Sila pastikan pelajar memasukkan Nombor Kad Pengenalan Pelajar dan Nombor Telefon dengan BETUL supaya tiada kesilapan maklumat berlaku.

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN (MELALUI JOMPAY)

LANGKAH 4

- Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (*CONFIRM*) pembayaran.



The screenshot shows the JomPAY confirmation interface. It includes the JomPAY logo, the account source 'From : 745839932 - Savings Account', and three input fields: 'Biller Code : 802587 - PSIS', 'Ref-1 : NOMBOR IC PELAJAR', and 'Amount (RM) : RM200.00'. At the bottom are 'Back' and 'Confirm' buttons. Blue arrows on the right point to these fields with labels: 'billercode and billercodename' for the Biller Code, 'rrn' for the Ref-1, 'amount' for the Amount, and 'confirm' for the Confirm button.

Field	Value	Label
Biller Code	802587 - PSIS	billercode and billercodename
Ref-1	NOMBOR IC PELAJAR	rrn
Amount (RM)	RM200.00	amount
Buttons	Back, Confirm	confirm

LANGKAH 5

- Unique JomPAY Reference Number** akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.



The screenshot shows the JomPAY successful transaction confirmation screen. It displays the status 'Status : Successful', the account source 'From : 745839932 - Savings Account', and the same three input fields as in Step 4. Below these, it shows the transaction details: 'Date & Time : 28-FEB-2014 08:17:06 AM', 'JomPAY Reference No. : 9JD72KF9', and 'Bank Reference No. : 1836008'. At the bottom are 'OK' and 'Print' buttons. Blue arrows on the right point to the input fields with labels: 'billercode and billercodename' for the Biller Code, 'rrn' for the Ref-1, 'amount' for the Amount, and 'nbpsref' for the JomPAY Reference No.

Field	Value	Label
Biller Code	802587 - PSIS	billercode and billercodename
Ref-1	NOMBOR IC PELAJAR	rrn
Amount (RM)	RM200.00	amount
JomPAY Reference No.	9JD72KF9	nbpsref
Buttons	OK, Print	

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN (MELALUI JOMPAY)

LANGKAH 6

- Pelajar **diwajibkan mencetak resit / maklumat bayaran** ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

PENTING!

- Sila laksanakan pembayaran YURAN PENGAJIAN dan YURAN ASRAMA **SECARA BERASINGAN**.
- Sila pastikan anda membuat jumlah bayaran yang betul untuk mengelakkan bayaran berganda.

PANDUAN PENDAFTARAN PENGAJIAN SECARA *ONLINE* SPMP



PERINGATAN!

- Pastikan anda telah menjelaskan yuran pengajian sebelum membuat pendaftaran secara *online*.
- Pendaftaran ini WAJIB dilakukan sebelum pelajar hadir lapor diri di PSIS.
- Tarikh pendaftaran (lapor diri) secara *online* pada **06 - 13 JANUARI 2025**.
- Pendaftaran **tidak akan berjaya** sekiranya anda belum membuat pembayaran.
- Buat satu salinan bagi setiap slip bayaran untuk simpanan sendiri.
- Pendaftaran secara *online* hanya boleh dibuat selepas pembayaran yuran dibuat mengikut jadual berikut

Bil.	Tempoh Masa Bayaran	Pendaftaran <i>Online</i>
1	Bayaran dibuat pada hari bekerja SEBELUM jam 5.00 petang	Pendaftaran atas talian (<i>Online</i>) boleh dilaksanakan dalam tempoh 24 jam daripada pembayaran.
2	Bayaran dibuat pada hari bekerja SELEPAS jam 5.00 petang	Pendaftaran atas talian (<i>Online</i>) boleh dilaksanakan dalam tempoh 48 jam hari bekerja berikutnya.
3	Bayaran dibuat pada hari cuti hujung minggu atau cuti umum	Pendaftaran atas talian (<i>Online</i>) boleh dilaksanakan dalam tempoh 48 jam hari bekerja berikutnya.

LANGKAH-LANGKAH PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR

LANGKAH 1


- Buka laman web: <http://spmp.psis.edu.my/>

(Baca keseluruhan maklumat sebelum masuk ke menu pendaftaran)

LANGKAH 2

- Masukkan nombor Kad Pengenalan dan Katalaluan dan tekan butang Login Pengguna

(Baca keseluruhan maklumat sebelum masuk ke menu pendaftaran)



Selamat Datang :

No.KP :

Katalaluan / No. Pend :

Login Pengguna

Makluman:

PELAJAR:
Untuk **LOGIN KALI PERTAMA**, sila gunakan Nombor Kad Pengenalan (No.KP) dan Nombor Pendaftaran Pelajar. Anda akan diminta untuk menukar katalaluan.
Bagi login seterusnya, gunakan katalaluan yang telah disetkan.
Sebarang masalah login atau reset semula katalaluan, sila **rujuk kepada Penasihat Akademik (PA)** masing-masing.

PENSYARAH/STAF:
Untuk **LOGIN KALI PERTAMA**, sila gunakan Nombor Kad Pengenalan (No.KP) dan katalaluan yang diberikan Unit Teknologi Maklumat.
Anda akan diminta untuk menukar katalaluan.
Bagi login seterusnya, gunakan katalaluan yang telah disetkan.
Sebarang masalah, sila majukan kepada Administrator di Unit Teknologi Maklumat.


SPMP
Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik
Politeknik Ibrahim Sultan

© Copyright : Politeknik Kota Bharu, Kelantan

LANGKAH-LANGKAH PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR


LANGKAH 3

- Klik pada **i-Help** (Hal Ehwal Pelajar)



LANGKAH 4

- Klik "**Lapordiri Pelajar Senior**"



LANGKAH-LANGKAH PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR

LANGKAH 5

- Klik pada butang **"Daftarkan Saya"**

Sila Klik Butang Dibawah Untuk Mengesahkan Lapordiri Anda



Daftarkan Saya

LANGKAH 6

- Pelajar telah berjaya mendaftar dan boleh terus mendaftar subjek di i-Daftar mengikut tarikh yang ditetapkan.

Pendaftaran									
Kelas	Semester	HPNM	PNM	KPTN	Status	Sesi	Tarikh Daftar	No Resit	
	S3	0	0	0	AKTIF	II : 2021/2022	26 Sep 2021, 00:00:00	Daftar Online	
	S2	3.58	3.39	KB2	AKTIF	I : 2021/2022	26 Sep 2021, 00:00:00	Daftar Online	
	S1	3.76	3.76	KB1	AKTIF	DIS2020	03 Jan 2021, 00:00:00	Daftar Online	

Data di Server Bap									
No Pend	Status	Poli	Tarikh Daftar	Sesi	Semester	PNM	HPNM	Kelas	Catatan
	Aktif		26/09/2021	II : 2021/2022	S3	0	0		Daftar Online
	Aktif		26/09/2021	I : 2021/2022	S2	0	0		Daftar Online
	Aktif		03/01/2021	DIS2020	S1	3.76	3.76		



Cetak Slip Pengesahan Lapordiri

NOTA:

- Sekiranya pelajar menghadapi masalah untuk pendaftaran, sila hubungi Pejabat Hal Ehwal Pelajar di talian **03 - 32806200 /6255/6256/6257/6261/6262** atau Whatsapp kami di talian hotline **011-35406850** atau di e-mel jheppsis00@gmail.com

ETIKA RUPADIRI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

- Pelajar WAJIB mematuhi peraturan dan etika rupadiri sebagai pelajar Politenik Sultan Idris Shah sepanjang tempoh pengajian.
- Pelajar WAJIB untuk mengikut arahan peraturan seperti senarai di bawah. Sekiranya GAGAL mematuhi peraturan dan arahan yang telah ditetapkan, Politeknik berhak untuk menahan pendaftaran dan akan dikenakan tindakan disiplin yang bersesuaian mengikut Buku Panduan Peraturan Am PSIS Edisi 2021.

Sila layari pautan di bawah untuk maklumat lanjut:

<https://online.anyflip.com/mliz/llrz/mobile/index.html>

PELAJAR LELAKI

RUPADIRI PELAJAR LELAKI

- Memakai kemeja putih tanpa corak dan rekaan berlengan panjang
- Memakai tali leher berwarna HITAM tanpa corak
- Seluar slack formal berwarna hitam (bukan mengikut saiz fitting "*slim fit* atau *bell bottom*")
- Berstokin hitam
- Memakai kasut bertutup berwarna hitam. Dilarang memakai kasut sukan/selipar/sandal semasa hari pendaftaran.
- Kuku dan rambut mestilah mengikut arahan didalam Buku Panduan Peraturan Am PSIS Edisi 2021. Rambut panjang melepasi tengkuk, kening mata dan telinga, berfesyen dan berwarna TIDAK DIBENARKAN.
- Pemakaian aksesori adalah DILARANG SAMA SEKALI.

ETIKA RUPADIRI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

PELAJAR PEREMPUAN

RUPADIRI PELAJAR PEREMPUAN

- Memakai baju kurung longgar atau *blouse* berwarna putih dan berkain hitam tanpa corak bagi pelajar Muslim dan bukan Muslim. Pemakaian skirt labuh haruslah aras buku lali. Pemakaian seluar adalah DILARANG.
- Memakai tudung berwarna hitam menutup dada bagi pelajar muslim.
- Rambut pelajar bukan muslim hendaklah dalam keadaan kemas dan rapi. RAMBUT BERWARNA adalah tidak dibenarkan.
- Berstokin hitam
- Memakai kasut bertutup berwarna hitam. Dilarang memakai kasut sukan/selipar/sandal semasa hari pendaftaran.
- Kuku dan rambut mestilah mengikut arahan didalam Buku Panduan Peraturan Am PSIS Edisi 2021. Penggunaan perwarna kuku adalah di LARANG SAMA SEKALI.
- Pemakaian aksessori - bertindik mana-mana bahagian tubuh kecuali telinga adalah DILARANG SAMA SEKALI. Pemakaian barang kemas adalah TIDAK DIGALAKKAN dan di bawah tanggungjawab sendiri.

POSTER ETIKA RUPADIRI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH



PERATURAN BERPAKAIAN KHUSUS UNTUK PELAJAR LELAKI

- ▶ Memakai t-shirt berkolar semasa urusan rasmi
- ▶ Memakai baju berkolar, bersesuaian dan di "tuck in"

LARANGAN

- ▶ Bertatu, berkuku panjang dan memakai seluar 3"/tergantung
- ▶ Berambut panjang, berekor, berwarna dan berfesyen rambut keterlaluan
- ▶ Memakai apa-apa aksesori perhiasan diri (gelang, rantai & anting-anting)





PERATURAN BERPAKAIAN KHUSUS UNTUK PELAJAR PEREMPUAN

- ▶ Digalakkan memakai baju kurung
- ▶ Wajib menutup aurat dan digalakkan bertudung melepasi paras dada bagi muslimah

LARANGAN

- ▶ Memakai seluar yang ketat, londeh dan singkat
- ▶ Memakai pakaian yang menutup muka
- ▶ Mewarnakan rambut, menindik lebih dari satu tindikan di telinga & hidung
- ▶ Berkuku panjang dan mewarna kuku

PERATURAN POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH ETIKA BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPADIRI PELAJAR



PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MAJLIS RASMI ATAU URUSAN RASMI POLITEKNIK

- ▶ Kemas dan Sopan
- ▶ Pemakaian jeans adalah TIDAK DIBENARKAN

PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI KULIAH

- ▶ Kemas dan Sopan
- ▶ Memakai kad pelajar sepanjang masa ketika berada di dalam kawasan kampus
- ▶ Memakai kasut bertutup dan berstokin (atas paras buku lali)





PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MAKMAL, AKTIVITI SUKAN, AKTIVITI KEBUDAYAAN ATAU AKTIVITI PELAJAR

- ▶ Mematuhi etika pemakaian dan peraturan yang ditetapkan dalam aktiviti tersebut
- ▶ Memakai baju berkolar di dalam baju bengkel
- ▶ Seluar pendek dan baju tanpa lengan hanya dibenarkan semasa melakukan aktiviti sukan dan sekitar gelanggang sukan sahaja

TINDAKAN TERHADAP PELAJAR YANG MELAKUKAN PELANGGARAN PERATURAN

- ▶ Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dihalang daripada memasuki atau berurusan di kelas atau makmal atau pejabat yang berkenaan
- ▶ Pelajar juga boleh dikenakan denda maksimum RM50.00 dengan memberi notis saman untuk kesemua kesalahan pada suatu masa
- ▶ Setiap kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan ini akan direkodkan dalam rekod SPMP pelajar

PENGUATKUASAAN

SEMUA STAF POLITEKNIK ADALAH PIHAK PENGUATKUASA KEPADA PERATURAN INI DAN BOLEH MEMBUAT TEGURAN SECARA TERUS KEPADA MANA-MANA PELAJAR
Disediakan Oleh : Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) PSIS

KOLEJ KEDIAMAN

- PSIS menyediakan kemudahan kolej kediaman kepada pelajaranya.
- Akan tetapi, pelajar semester satu (1) **DIWAJIBKAN** menginap di Kolej Kediaman.
- Pelajar yang ditawarkan tempat di kolej kediaman akan ditempatkan seperti yang ditentukan oleh Pengarah atau Wakil Kuasanya.
- Pengarah mempunyai hak mutlak untuk memilih mana-mana pelajar atau orang perseorangan atau mana-mana kumpulan bagi mendiami kolej kediaman institusi.
- Pengarah atau Wakil Kuasanya boleh menarik balik tawaran/ mengosongkan tempat tinggal di kolej kediaman atas sebab-sebab kepentingan institusi pada bila-bila masa.
- Semua pelajar **TIDAK DIBENARKAN** membawa kenderaan di dalam kampus tanpa kebenaran.
- Pelajar perlu mendapatkan kebenaran daripada Pihak Pengurusan Kolej Kediaman untuk sebarang urusan pulang atau keluar dari Kolej Kediaman.

	HARI BEKERJA (Isnin - Jumaat)	CUTI / CUTI UMUM
MASUK	sebelum 9.00 malam	sebelum 11.00 malam
KELUAR	sebelum 7.00 malam	

PERATURAN DI KOLEJ KEDIAMAN

Antara Kesalahan Di Kolej Kediaman Yang Boleh Mengakibatkan Penggantungan / Pembuangan Pelajar Dari Kolej Kediaman PSIS:

- Mencemar nama baik politeknik, kakitangan atau pelajarnya dengan kelakuan, kata-kata atau tulisan menerusi apa jua bentuk media cetak mahupun elektronik.
- Merosakkan harta benda di Kolej Kediaman (vandalisme) dan mengotorkan bilik Kolej Kediaman.
- Mengganggu ketenteraman penghuni di Kolej Kediaman.
- Membawa orang asing menginap di bilik Kolej Kediaman tanpa kebenaran bertulis.
- Berpindah / bertukar ke bilik lain tanpa kebenaran dan pengetahuan penyelia Kolej Kediaman / warden blok.
- Berpakaian menjolok mata / kurang sopan / berseluar jeans di kawasan Kolej Kediaman adalah dilarang sama sekali.
- Menceroboh ke bilik berlainan jantina.
- Meminum / mengedar / menyimpan / menyorok / membuat / menghisap / mempunyai apa jua alat berkaitan dengan rokok / tembakau / najis dadah / ganja / bahan lucah / minuman yang memabukkan.
- Bergaduh , terlibat atau bersubahat dengan pergaduhan samada di dalam atau di luar Kolej Kediaman.
- Berkelakuan sumbang atau tidak sopan seperti bercumbu-cumbuan atau berkhawat dan membuat sebarang perilaku atau isyarat lucah samada di dalam atau di luar kampus.
- Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.

** Sila rujuk kepada buku peraturan kamsis untuk jenis-jenis kesalahan yang berkaitan.

SELAMAT KEMBALI KE POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS)

Designing Your Future



POLYCC

Maklumat lanjut:



03-32806200 / 6255 / 6256 / 6257



011-35406850



psis.mypolycc.edu.my

